

# 98 terima darjah kebesaran Sultan Selangor



Arifin Zakaria

**Shah Alam:** Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria mengetuai senarai 98 penerima darjah dan bintang kebesaran sempena Ulang Tahun Keputeraan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang ke-67, hari ini.

Beliau dianugerahkan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) membawa gelaran Datuk Seri bersama Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin. Darjah Kebesaran Datuk Setia Sultan



Sahol Hamid Abu Bakar

Sharafuddin Idris Shah (SSIS) pula dianugerahkan kepada Ahli Dewan di-Raja Selangor, Datuk Ramli Mahmud membawa gelaran Datuk Setia.

Seramai 15 individu dianugerahkan Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS), juga membawa gelaran Datuk bagi lelaki dan Datin Paduka bagi wanita, diketuai Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin; Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Datuk Seri Syed Danial Syed Ahmad dan

Hakim Mahkamah Rayuan, Mah Weng Kwai.

Naib Canselor Universiti Teknologi MARA, Prof Datuk Seri Dr Sahol Hamid Abu Bakar; Panglima Armada Tentera Laut Diraja Malaysia, Laksamana Madya Datuk Abd Hadi A Rashid; Presiden dan Ketua Eksekutif SP Setia Group Berhad, Tan Sri Liew Kee Sin dan Pengarah Kastam Selangor, Datuk Azis Yacub.

Pengarah Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Fatimah Mohamed Arshad; Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Selangor, Yusoff Ayob; Pakar Perunding Kanan Ortopedik dan Ketua Jabatan, Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Dr M Thirumal; Pakar Perunding Kanan Nefrologi HTAR, Dr Tan Chwee Choon.

Turut menerima DPMS, Ketua Pengarah KEMAS, Hassan Mohd Amin; Pengarah Bahagian Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Ali Mohammed; Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Kamarulzaman Jamil dan Pegawai Daerah Gombak, Nor Hisam Ahmad Dahlan.

Seramai 14 individu menerima darjah Datuk Sultan Sharafuddin Idris Shah (DSIS) membawa gelaran Datuk bagi lelaki dan Datin Paduka bagi wanita, iaitu Tengku Seri Paduka Shah Bandar, Tengku Ardy Esfandiari Tengku Abdul Hamid Shah; Kerabat Diraja Selangor yang juga Pakar Perunding Hos-

pital Gleneagles, Dr Tunku Noor Taayah Tunku Zubir.

Kerabat Diraja Selangor yang juga Pengarah Urusan Kuzie Catering Sdn Bhd, Raja Roslay Raja Mazlan; Pelukis Diraja Selangor, Azaman Yusof; Timbalan Asisten Ketua Staf J7, Markas Angkatan Bersama, Kementerian Pertahanan, Laksamana Pertama Azhari Abd Rashid; Prof Dr Tai Shzee Yew dari UPM dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Selangor, Abdul Aziz Andik Achok.

Naib Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Datuk Hamidin Mohd Amin; Yang Dipertua Persatuan Pembangunan Kampung Baru Kuala Lumpur, Dr Mohd Yusof Ismail; Juruperunding Pakar Kardiotorasik, Dr Aljafri Abdul Majid; peguam dan pentadbir harta pusaka Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Muhammad Adam @ Edward Abdullah.

Pengurus Rekabentuk Produk dan Pemasaran Penerbangan Malaysia, Badaruddin Jilil Mohd Azmi; Penyumbang Kebajikan Yayasan Raja Muda Selangor, Lee Peng Hock dan Ketua Eksekutif Axis REIT Managers Berhad, George Stewart LaBrooy.

Seramai 13 individu penerima Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor (SMS), Darjah Kebesaran Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (16), Ahli Mangu Selangor (15), Darjah Kebesaran Ahli Sultan Sharafuddin Idris Shah (15) dan Bintang Perkhidmatan Cemerlang (7).